

PRIMADONA BANGSAWAN

Biografi
Primadona Bangsawan
Aminah Nani

NORAZA HJ. ABDUL AZIZ

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA



Cetakan Kedua 2004

Cetakan Siri Biografi Tokoh Budaya

© Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia

Hakcipta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dalam buku ini dalam apa jua bentuk atau cara sama ada secara elektronik atau mekanikal tanpa permohonan bertulis daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, Tingkat 30, Menara TH Perdana, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Noraza Abdul Aziz

Biografi primadona bangsawan Aminah Nani/Noraza Abdul Aziz

ISBN 967-903-062-8

1. Aminah Nani, 1919-2000--Biography. 2. Actress--Malaysia--

Biography. I. Judul.

927.914309595

Diedit oleh : Nawi Haji Adek

Penerbit :

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia

(Bahagian Kebudayaan dan Kesenian)

Tingkat 30, Menara TH Perdana,

1001, Jalan Sultan Ismail,

50250 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-2612 7600 Faks : 03-2692 6100

Dicetak Oleh :

SIERA FOCUS (M) SDN BHD

Belasungkawa

*Aminah Nani telah pulang ke rahmatullah pada 6
November 2000 setelah diserang angin ahmar.
Semoga Allah mencucuri rohnya.
Amin.*

MUKADIMAH

Puan Aminah Nani atau lebih mesra dengan panggilan Mak Minah bukanlah orang baru dalam dunia bangsawan. Lebih 60 tahun mengabdikan diri dalam dunia seni, baginya selagi nyawa di kandung badan selagi itulah beliau akan terus berjuang memartabatkan seni ‘bangsawan’. Di zaman mudanya, Mak Minah menjadi kegunaan ramai lantaran wajahnya yang jelita dan lakonan yang memukau. Dia adalah antara ‘sri panggung’ tersohor lewat tahun 30-an dahulu.

Timbulnya idea untuk menulis tentang Mak Minah ialah apabila saya terlibat dengan beliau semasa penyelidikan cerita dan skrip bangsawan. Bagai orang mengantuk disorongkan bantal, Mak Minah merasa gembira dan menyambut baik cadangan itu. Walaupun ada sesetengah fakta yang dilupai, beliau akan segera menelefon saya di pejabat apabila sudah dapat mengingatnya semula. Pun demikian ada setengah ceritanya terpaksa saya ‘*off record*’ kerana terlalu peribadi. Muka Mak Minah tampak ceria dan berseri apabila menceritakan pengalaman lampau beliau sebagai anak seni. Saya pula seronok dan leka mendengar celoteh Mak Minah. Biar pun usianya sudah melewati 80 tahun, Mak Minah tampak cergas dan tidak nyanyuk. Cuma pendengarannya sahaja sedikit terjejas. Pernah kami sama-sama ketawa lantaran masalah tersebut. Berkali-kali dia mengingatkan saya agar menguatkan suara semasa bertanyakan soalan. Mak Minah juga seorang yang cukup sensitif. Beliau kerap kali menangis di hadapan saya sekiranya mengingati peristiwa yang menyentuh perasaannya.

Walaupun tidak pernah menjejak kaki ke sekolah secara formal, Mak Minah boleh membaca dan menulis dengan baik. Menurutnya, dalam bangsawan, ada guru yang ditugaskan untuk mengajar mereka. Begitu juga dalam bidang agama, anak-anak wayang diajar mengerjakan sembahyang.

Biarpun Mak Minah bukannya berasal dari Pulau Pinang, tetapi beliau diterima baik oleh masyarakat setempat lantaran sikapnya yang peramah, baik hati dan kaya dengan budi bahasa. Selama 43 tahun (1957-2000) menetap di Kampung Makam, Pulau Pinang, Mak Minah menganggap Pulau Mutiara sebagai tempat tumpah darahnya

sendiri. Di samping itu, beliau juga bergerak aktif dalam Pergerakan Wanita UMNO Pulau Pinang.

Dalam buku ini banyak pengalaman yang cuba dikongsi Mak Minah bersama kita semua. Bermula dari kehidupan keluarganya, perkahwinan sehinggalah pembabitan beliau dalam dunia bangsawan dari dahulu sehingga kini. Di samping itu juga ada dimuatkan pantun-pantun hasil karya beliau (dicipta secara spontan) dan gambar-gambar lama Mak Minah sepanjang hidupnya dalam dunia seni.

Kita hanya mampu merancang, Allah jua yang menentukannya. Ajal, maut, jodoh pertemuan tidak siapa mampu menduga. Pada 13 Oktober 2000, Mak Minah secara tiba-tiba diserang angin ahmar di rumahnya selepas bersarapan pagi. Selama seminggu di hospital dan kemudiannya berubat tradisional di kampung, Mak Minah akhirnya pergi jua mengadap Illahi pada tanggal 6 November 2000. Walaupun terkilan, kerana Mak (panggilan saya untuknya) tidak sempat menatap buku ini, saya amat menyanjung tinggi pengorbanan beliau sekeluarga yang banyak membantu. Secara peribadi, saya amat terasa kehilangannya. Doa saya semoga Mak ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Al-Fatihah...

Noraza Haji Abd Aziz

Bahagian Pemuliharaan dan Penyelidikan
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian
Negeri Pulau Pinang

KANDUNGAN

Pengantar	vii
Mukadimah	x
Bab 1 Latar Belakang Keluarga	1
Bab 2 Penglibatan Dalam Bangsawan	11
Bab 3 Cerita Bangsawan	37
Bab 4 Latihan Lakonan	42
Bab 5 Nyanyian Dan Tarian	45
Bab 6 Solekan	48
Bab 7 Mak Minah Dalam Kenangan	50
Bab 8 Pantun Kasih	52